

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN
(INDERA MAHKOTA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 01.11.2016

Y.B. DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN [INDERA MAHKOTA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah hutang domestik negara dan pecahannya mengikut sumber hutang tersebut. Apakah nisbah hutang domestik kepada hutang luar negara sejak 2011 hingga kini dan pernahkah sejak 1980 negara Malaysia membayar hutangnya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Jumlah hutang domestik Kerajaan Persekutuan pada akhir Jun 2016 adalah sebanyak RM628.8 bilion atau 95.9% daripada jumlah hutang Kerajaan Persekutuan. Daripada jumlah ini, sebanyak

RM365.9 bilion diperolehi daripada instrument Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS), RM230 bilion daripada Terbitan Pelaburan Kerajaan (MGII), RM4.5 bilion daripada Bil Perbendaharaan manakala baki sebanyak RM28.4 bilion adalah bagi Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan.

2. Pada akhir Jun 2016, nisbah hutang domestik Kerajaan Persekutuan adalah 95.9% manakala pinjaman luar pesisir adalah 4.1% daripada jumlah hutang Kerajaan Persekutuan. Trend yang sama dapat dilihat sejak tahun 2009 sehingga kini. Kerajaan akan meneruskan dasar semasa, mengutamakan pinjaman dalam negeri yang tidak menyebabkan inflasi, dengan mengambil kira mudah tunai yang tinggi dan kos pinjaman yang lebih murah.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini, Kerajaan tidak pernah gagal untuk membuat bayaran pokok dan bayaran khidmat hutang. Kerajaan sentiasa memastikan bayaran balik hutang serta bayaran kupon bagi bon dan sukuk Kerajaan dapat dibuat mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Pembayaran pokok akan dibayar pada tarikh matang sesuatu kertas hutang. Bagi komitmen pembayaran khidmat hutang iaitu bayaran faedah ke atas hutang

Kerajaan Persekutuan pula, ia merupakan komitmen yang diberikan keutamaan dan diklasifikasikan sebagai tanggungan. Perbelanjaan tanggungan ini perlu diutamakan berbanding perbelanjaan lain seperti bekalan dan perkhidmatan serta bayaran pindahan.